

Prosedur, hukum jumpa barang tercicir

BELAKA HARIAN 19/4/2018

Ms 77

Pihak yang menjumpai barang tercicir yang tidak diketahui pemiliknya perlu mengambil tanggungjawab dan amanah untuk memulangkan kepada tuannya atau menyimpan barang itu sehingga menemui pemiliknya.

Namun, andai barangan yang dijumpai itu mudah rosak seperti makanan, maka individu yang menjumpainya boleh menggunakan atau memakannya, tetapi dengan syarat bersedia membayar harga nilai barangan itu jika dituntut tuannya nanti.

Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Sukki Othman, berkata masyarakat tidak boleh ambil mudah dengan membuat keputusan sendiri ke

rana terdapat mekanisme atau kaedah menguruskan barang yang dijumpai disebabkan tercicir.

"Merujuk hukum menjumpai atau memungut barang yang tercicir, kita boleh ambil jika berkesan diri amanah serta berniat hendak memulangkan kepada tuannya. Jika kita rasa diri tidak amanah, maka jangan ambil.

Sedia bayar jika pemilik tuntutan

"Bagi barang yang mudah rosak seperti makanan, individu berkenaan boleh mengambil dan makannya tetapi hendaklah bersedia membayar harga makanan itu jika dituntut oleh pemiliknya. Sebabnya, jika dibiarkan dikhuatiri barang itu akan rosak.

"Pihak yang menjumpai barang tercicir perlu memastikan bentuk sebenar barangan itu, mengemukakan kepada orang ramai selama tempoh satu tahun, menyimpan jika tiada yang menuntut dan mengembalikan apabila ada pemilik menuntutnya," katanya kepada BH di sini, semalam.

Dalam kejadian di FELDA Selendang, Rompin kelmarin, beberapa penduduk menyembelih ekor lembu seberat 300 kilogram (kg) yang patah kaki akibat kemalangan selepas tiada siapa menagku haiwan itu milik mereka.

Alasan penduduk, mereka tidak mahu membiarkan lembu itu mati kesakitan, manakala daging yang sudah disembelih itu diagih

kepada orang yang melapah dan kenalan terdekat mereka

Mengulas perkara itu, Mohd Sukki berkata, sewajarnya mereka yang menjumpai lembu berkenaan mengisytiharkannya untuk mencari pemilik haiwan itu kerana setiap barang sudah pasti ada tuannya.

"Kejadian berlaku di kawasan kampung, jadi tidak munasabah lembu itu tiada pemiliknya. Namun, penduduk hendak selamatkan daripada lembu itu menjadi bangkal.

"Oleh itu, mereka yang mengambil daging berkenaan hendaklah bersedia membayar harga daging terbabit jika tuannya membuat tuntutan," katanya.



Mohd Sukki Othman